



MAJLIS PERASMIAN BENGKEL PENGURUSAN ESPEK 2008

OLEH:
YG. BHG. DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN
KETUA PENGARAH RISDA

TEMPAT: SELESA BEACH RESORT
PORT DICKSON

TARIKH: 21 JANUARI 2008

- Yang Berusaha Pengerusi Majlis
- Yang Berhormat Senator Tan Sri Hj. Muhammad bin Hj. Muhammad Taib, Pengerusi RISDA/ESPEK
- Yang Dihormati Tn Hj. Kamaruddin bin Mohamed Shah Pengerus Besar ESPEK
- Tn.Hj. Abdullah Sawal bin Hj. Madun, Pengerusi J/Kuasa Induk Bengkel Pengurusan ESPEK 2008,
- Ketua-Ketua Jabatan ESPEK,
- Pengurus Kumpulan, Pengurus Ladang dan Kilang,
- Pegawai-Pegawai Ibu Pejabat dan ERAS

- Dan seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga ESPEK yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

1. Penghargaan

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita berkumpul pada pagi yang mulia ini di Selesa Beach Resort, Port Dickson yang serba indah dan menarik ini bagi Majlis Perasmian Bengkel Pengurusan ESPEK 2008. Terlebih

3

dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Senator Tan Sri Muhammad bin Muhammad Taib, Pengerusi RISDA yang juga merupakan Pengerusi ESPEK diatas kesudian hadir pada hari ini untuk merasmikan Bengkel ini walaupun YB amat sibuk dengan tugas-tugas perhubungan UMNO masa ini. Keperihatinan YB Senator Tan Sri amat disanjung. Saya merasa amat bertuah hari ini kerana dapat bertemu dengan pegawai dan staf ESPEK. Syabas dan tahniah kepada Pengurus Besar ESPEK kerana telah berjaya mengaturkan Bengkel seumpama ini untuk memberi garis panduan kepada

4

Pegawai dan staf ESPEK untuk merancang program-program bagi tahun 2008 ini. Semoga Bengkel ini dapat dijadikan sebagai platform kepada Tuan-Tuan dan Puan-puan untuk sama-sama merancang dan melaksanakan program-program pembangunan ESPEK bagi tahun ini dengan lebih baik dan efisien.

2. Selamat tahun baru dan tahniah menunaikan haji

Saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan 'Selamat Tahun Baru 2008 dan tahun Hijrah 1429' walaupun terlewat sedikit namun kita masih belum terlewat untuk memberikan

5

komitmen dan sumbangan kita untuk memberikan input dan usul yang konkrit untuk perancangan dan pelaksanaan program pembangunan bagi tahun 2008 ini. Kepada Staf ESPEK yang telah melaksanakan Haji pada tahun ini, tahniah juga saya ucapkan kerana telah berjaya melaksanakan Rukun Islam kelima. Semoga segala amalan kita diterima Allah S.W.T, InsyaAllah.

6

Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Amanat Pengurusan RISDA 2008

Amanat Pengurusan RISDA bagi tahun 2008 yang bertemakan 'Memperkasa 'Back to basic' telah disampaikan pada 27 Disember 2007 yang lalu, merupakan Garis Panduan kepada semua staf RISDA dan ESPEK dalam melaksanakan gerak kerja pembangunan masyarakat pekebun kecil pada tahun ini. Perkara-perkara yang di beri penekanan dan fokus pada tahun ini adalah Produktiviti, Projek Berkumpulan, Pemasaran & Pemprosesan, Modal

7

Insan, Imej Korporat dan Anak Syarikat. Bagi Anak Syarikat, penekanan khusus adalah untuk menggunakan keuntungan syarikat setiap tahun bagi tujuan CSR (Corporate Social Responsibility) di mana dapat dimanfaatkan oleh masyarakat pekebun kecil. Anak Syarikat juga diminta melaksanakan pelan rasionalisasi syarikat berdasarkan kekuatan dan relevansinya dalam konteks pembangunan sektor pekebun kecil. ESPEK khususnya dikehendaki untuk mengetatkan kawalan dan meningkatkan produktiviti ladang. Semua staf ESPEK seharusnya peka kepada keperluan dan

8

hakikat terhadap tugas dan tanggungjawab yang diberikan dan diamanahkan.

4. **Amanat Pengurusan ESPEK**

Pada hari ini Pengurus Besar ESPEK akan menyampaikan Amanat Pengurusan ESPEK yang berlandaskan Amanat Pengurusan RISDA 2008. Saya amat berharap supaya ESPEK dapat mewujudkan dan melaksanakan aliran dan jaringan komunikasi dua hala yang jelas, mudah dan berkesan merentasi seluruh peringkat pengurusan sehingga ke peringkat paling bawah supaya apa sahaja yang

direncanakan di terima dan difahami oleh seluruh warga kerja ESPEK. Rebutlah peluang yang disediakan kepada kita untuk sama-sama terlibat dalam perancangan program pembangunan. Saya harap semua pembentangan diterima secara positive untuk tindakan penambahbaikan yang berterusan di ESPEK. Saya ingin menyuarakan harapan agar Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian dapat berbincang dan mengeluarkan idea-idea yang bernas dan praktikal untuk memperbaiki perancangan dan pelaksanaan program pembangunan ESPEK. Saya percaya dan menaruh penuh keyakinan semua idea yang bakal dikemukakan semasa

Bengkel ini boleh dilaksanakan di peringkat lapangan demi untuk meningkatkan keberkesanan peranan ESPEK.

5. Saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk menyentuh beberapa perkara untuk kita kongsi bersama-sama dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya.

6. Prestasi ESPEK tahun 2007

Bagi pihak Pengurusan RISDA, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengurusan ESPEK kerana telah berjaya meningkatkan prestasi 2007 iaitu memperoleh keuntungan

11

selepas cukai sejumlah RM 4.088 juta berbanding dengan tahun 2006 (RM 1.6 juta) , peningkatan sejumlah 252%.

7. Produktiviti Ladang

Keseluruhan keluasan ladang RISDA di bawah urustadbir ESPEK adalah 47,770.28 hektar melibatkan sejumlah 27 ladang dengan 16,080 peserta RTBB di seluruh negara. Produktiviti ladang pada tahun lepas adalah 17.11 mt sehektar setahun berbanding industry standard 17.59 mt sehektar setahun. Ini merupakan satu cabaran kepada ESPEK. Pengurusan ESPEK perlu memberikan penekanan yang lebih

12

dan berusaha dengan lebih gigih pada tahun ini di atas perkara ini. Untuk memasuki pasaran global, kita perlu selalu berasaskan kepada industri agar tidak ketinggalan. Saya berharap agar ESPEK terus maju pada tahun 2008 dan dapat bersaing dengan Agensi Perladangan lain dan menjadi sebuah Syarikat Perladangan yang terbilang. ESPEK juga perlu menambahkan kawasan pengurusan ladang dengan mempunyai ladangnya sendiri. Saya percaya dimana ada kemahuan disitu ada jalan dan sekiranya di buat dengan bersungguh-sungguh tidak mustahil satu hari nanti ESPEK akan harum namanya di bibir Masyarakat perladangan.

8. Prestasi Kilang

Syabas dan tahniah juga kepada pengurusan ESPEK di atas prestasi kilang yang telah menunjukkan arah aliran yang membanggakan. Pada awal tahun 2007, kilang mengalami kerugian tetapi alhamdulillah dengan pembentukan Jawatankuasa pemantauan kilang serta pemberian tempoh 6 bulan kepada Pengurus Kilang untuk 'turn around', pada penghujung tahun kilang telah memperoleh keuntungan sejumlah RM 1 juta. Saya berharap Pengurusan ESPEK akan teruskan fokus dan usaha peningkatan prestasi kilang pada tahun ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Pasukan RISDA

Saya ada menekankan mengenai bekerja sebagai satu pasukan iaitu **Pasukan RISDA**. Satu pasukan boleh menghasilkan penyatuan tenaga, idea dan cita-cita dalam satu ikatan yang bersatupadu. 'Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'. Dengan semangat ini, gunung yang tinggi dapat dirobohkan, lautan yang dalam dapat diratakan, kerja yang berat menjadi ringan dan kerja yang sulit menjadi senang. Apa yang penting, semua warga ESPEK mestilah bersatu hati dan

15

mewujudkan teamwork yang kukuh dan kerja sebagai satu pasukan. Saya yakin dan percaya dengan kebolehan dan **iltizam** warga ESPEK untuk melaksanakan segala dasar yang telah ditetapkan. Pegawai-pegawai ESPEK perlu meneruskan usaha bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang wujud hari ini bagi membolehkan ESPEK menangani cabaran masa depan yang semakin dinamik dan kompetitif.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

16

9. Cipta masa depan yang lebih gemilang

Marilah kita bersama-sama mencipta masa depan yang lebih gemilang untuk ESPEK dan warganya kerana jika kita statik dan gagal dalam usaha untuk menggunakan segala kelebihan yang wujud dalam ESPEK kita akan ketinggalan di belakang. Harus diingat bahawa peluang yang kita sia-siakan akan diambil manfaatnya oleh pihak lain. Janganlah kita mendedikasikan hidup kita bagi mencari alasan kenapa kita tidak mampu untuk mencapai kecemerlangan sebaliknya marilah kita bersama-sama menjadikan hidup kita sebagai satu misi besar bagi mengatasi segala cabaran untuk menikmati kejayaan demi kejayaan dan masa depan yang

17

lebih cerah. Kita perlu fikir 'out of the box' dan jangan statik. Cuba kembangkan perniagaan dengan penambahan bilangan lembu atau pun menceburi bidang ternakan Burung Walit dan sebagainya.

10. Bangunan ESPEK

Untuk makluman YB Senator Tan Sri, adalah menjadi impian dan kebanggaan seluruh warga ESPEK untuk mempunyai satu Bangunan sendiri. Adalah diharapkan dengan bantuan YB Tan Sri, impian ini akan menjadi kenyataan, insyaAllah.

18

10.Penutup

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Senator Tan Sri di atas kesudian hadir pada Majlis ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Tn. Hj. Kamarudin bin Mohd Shah, Pengurus Besar ESPEK di atas kesudian untuk menjemput saya dan semoga hasil sumbangan idea peserta Bengkel serta keputusannya dapat kita gunakan untuk membangunkan pekebun kecil. Saya berharap kerjasama yang baik dan hubungan yang harmoni yang sedia ada pada masa ini perlu di pelihara dan dikekalkan.

19

**Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah , Wassalammualaikum
w.b.t**

20